



Tahun 2012 cukup mewarnai dunia niaga dan masyarakat Melayu di Singapura.  
**NORHAIZA HASHIM** ([norhaiza@spoh.com.sg](mailto:norhaiza@spoh.com.sg)) menyingskap isu-isu menjaja masyarakat Melayu  
dan kejayaan yang dinikmati para peniaga kita.

## Warna-warni dunia niaga Melayu sepanjang 2012



**KEMBANG NIAGA:** Pengurus Anglia, Encik Niza Angulia berjaya meluaskan perniagaannya ke Sri Lanka dan Malaysia.



**HANGAT:** Cik Halimah Yacob (tiga dari kanan) mengetahui isu peniaga makanan kecil-kecilan di Parlimen selepas dibincang di dialog Dewi@DPPMS dan meja Ekoniga.



**MANFAAT KREATIVITI:** Encik Ahmad Faisal Sabtu (tengah) memberikan diri mencebur ke dalam perniagaan kasut.

### ISU PALING HANGAT MELIBATKAN PENIAGA KECIL-KECILAN MELAYU

ISU peniaga kecil-kecilan yang menjalankan perniagaan makanan di rumah mendapat perhatian sehingga ia dibawa ke Parlimen.

Beberapa peniaga kecil-kecilan Melayu menyuarakan keprihatinannya mereka semasa sesi dialog bertajuk *Cabar-Cabar Usahawan Wanita Melayu* anjuran bersama Usahawan Dinamik Wanita Antarabangsa, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (Dewi@SMCCI) dan meja Ekoniga, *Berita Harian* (BH) yang dihadiri Menteri Negara (Pembangunan Sosial dan Keluarga), Cik Halimah Yacob.

Cik Halimah kemudian membentangkan usulan itu di Parlimen dan menggesa agar Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) melonggarkan peraturan perniagaan katering dari rumah.

Menurut Cik Halimah, ramai wanita daripada keluarga berpendapatan rendah kini meraih pendapatan hasil berjualan atau menjalankan perniagaan makanan dari rumah.

### KEMAJUAN PENIAGA MELAYU YANG MEMBANGGAKAN

► PENGASAS dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Second Chance Properties Ltd, Encik Mohamed Salleh Marican, dipilih sebagai salah seorang daripada lima perniagaan Anugerah berprestij, Usahawan Terbaik Ernst & Young.

Beliau dianugerahkan itu bagi kategori pengguna dan produk pengguna.

Empat perniagaan lain termasuk CEO Sejagat Meinhart Group International Ltd, Dr Shahzad Nasim, bagi kategori kejuruteraan; CEO ARA Asset Management Ltd, Encik John Lim (khidmat kewangan); Ketua Pegawai Operasi (COO) FJ Benjamin Holdings, Encik Douglas Benjamin (gaya hidup dan runcit) dan Pengarah Urusan Facility Link Pte Ltd, Encik Martin Gui (komersial dan khidmat perindustrian).

► SYARIKAT penyedia khidmat perkahwinan, Amani Services Pte Ltd, menerima pengiktirafan kerana berjaya mencapai nilai penjualan sasaran \$1 juta tahun ini.

Firma yang diasaskan Encik Mohamed Nor Ismail itu adalah satu-satunya perniagaan milik Melayu yang menerima Anugerah Kehormat SME One Asia anjuran APF Group Pte Ltd.

Anugerah itu yang merupakan antara kategori di bawah Anugerah SME One Asia 2012, diberikan kepada syarikat tersebut kerana menunjukkan tahap pertumbuhan yang dicontohi selepas berikrar mahu mencapai penjualan \$1 juta tahun ini.

► SYARIKAT pengeluar sare setempat, Jumain Satysfaction Pte Ltd, telah menerima anugerah inovasi makanan pertama di peringkat antarabangsa yang mengiktiraf inovasi dalam menghasilkan sare yang kental lembut walaupun dimasukkan dalam ketuhar gelombang mikro.

Jumain Satysfaction dikurniai Anugerah Inovasi Produk dan Proses bagi produknya, Asli Tender Chicken Satay, dalam Anugerah Industri Makanan Sejajar yang diadakan di Brazil.

Anugerah antarabangsa itu dianjurkan oleh Kesatuan Antarabangsa Bagi Teknologi dan Sains Makanan (IUFoST), sebuah pertubuhan saintifik sejagat bagi sains dan teknologi makanan yang mempunyai anggota dari 65 negara.

► RANGKAIAN butik pakaian wanita Anglia telah mengembangkan perniagaannya ke pasaran Malaysia dan Sri Lanka sebagai sebahagian daripada rancangan perniagaannya.

Syarikat itu, yang memiliki lapan cawangan di Singapura, menjalin usaha sama dengan seorang usahawan Malaysia dan menubuhkan sebuah butik Anglia di pusat beli-belah baru, Paradigm, di Kelana Jaya.

Jenama Anglia yang ditubuhkan sejak 1985, turut menarik minat seorang usahawan dari Sri Lanka yang kini dilantik sebagai ejen syarikat itu dan sudah membuka cawangan Anglia di negara tersebut.

► DARI rekaan pakaian pengantin kepada rekaan kasut dan beg.

Itulah perkembangan membanggakan yang dilakukan oleh pemilik firma andaman Grandeur Fai, Encik Ahmad Faisal Sabtu (Fai Bani), yang mengorak langkah dengan menghasilkan kasut dan beg wanita rekaan sendiri menggunakan jenama Grandeur Fai.

"Jika Charles & Keith boleh melakukannya, mengapa tidak saya? Oleh sebab dorongan itulah, maka saya berusaha bersungguh-sungguh agar cita-cita saya dapat dilaksanakan," kata Encik Fai Bani, 30 tahun, yang bermula dengan menjual aksesori wanita di pasar-pasar malam.



**ANUGERAH BERPRESTIJ:** Encik Mohamed Salleh Marican dipilih sebagai salah seorang daripada lima penerima Anugerah Berprestij, Usahawan Terbaik Ernst & Young. — Foto-foto fail

### SEBUAH syarikat setempat, Vector Scorecard (VSC) Group, telah memeterai perjanjian dengan kerajaan Oman bagi membantu negara Timur Tengah itu mengembangkan syarikat kecil dan sederhana (SME) di sana.

VSC telah membentuk sebuah Pusat SME yang boleh dimanfaatkan syarikat-syarikat Singapura yang mahu masuki pasaran Oman serta menjadikannya gerbang ke Timur Tengah.

### PERKEMBANGAN KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM SINGAPURA

DALAM satu perkembangan positif bagi industri perbankan Islam di Singapura tahun ini, bank kedua terbesar di Malaysia, CIMB, mengumumkan pelancaran dua akaun deposit Syariah di Singapura, meningkatkan persaingan kepada Maybank dan OCBC yang sudah melancong akaun Syariah lebih awal.

Sebuah syarikat pengurusan amanah saham di Malaysia, Amanah Mutual Berhad (AMB), pula memperkenalkan akaun Islam, AMB Dana Arif (AMBDA), yang melibatkan portfolio sekuriti tanggungan Islam (sukuk) yang membolehkan mereka mendapat pendapatan secara tetap dan menikmati kenaikan modal.

Namun, berita gembira itu terjejas apabila syarikat penyedia takaful terbesar di Singapura, HSBC Insurance (Singapore) Pte Ltd, menghentikan penjualan produk-produk takaful di Singapura.

Kumpulan perbankan terbesar di Eropah, HSBC Holdings, yang pengumumannya mengejutkan ramai pelabur takaful, menyatakan langkah tersebut diambil kerana saiz yang kecil, lantas tidak memberikan pulangan sejawarnya kepada operasi di negara ini.

Selain Singapura, ia juga akan berhenti menjual takaful di Amiriah Arab Bersatu (UAE), Bahrain, Bangladesh dan Mauritius.

### FATWA BARU BAGI MUIS

MASYARAKAT Islam kini dibenarkan mengubah nama waris yang berhak menerima pampasan insurans di pusat beli-belah baru, Paradigm, di Kelana Jaya.

Jenama Anglia yang ditubuhkan sejak 1985, turut menarik minat seorang usahawan dari Sri Lanka yang kini dilantik sebagai ejen syarikat itu dan sudah membuka cawangan Anglia di negara tersebut.

► DARI rekaan pakaian pengantin kepada rekaan kasut dan beg.

Itulah perkembangan membanggakan yang dilakukan oleh pemilik firma andaman Grandeur Fai, Encik Ahmad Faisal Sabtu (Fai Bani), yang mengorak langkah dengan menghasilkan kasut dan beg wanita rekaan sendiri menggunakan jenama Grandeur Fai.

"Jika Charles & Keith boleh melakukannya, mengapa tidak saya? Oleh sebab dorongan itulah, maka saya berusaha bersungguh-sungguh agar cita-cita saya dapat dilaksanakan," kata Encik Fai Bani, 30 tahun, yang bermula dengan menjual aksesori wanita di pasar-pasar malam.

### MELAYU DAN SKIM PELABURAN CEPAT KAYA

Tahun ini, banyak tercetus skandal pelaburan yang dilaburkan masyarakat Melayu.

Ekoniga banyak melaporkan kes-kes melibatkan



**RAIH \$1 JUTA:** Pengasas Amani Services, Encik Mohamed Nor Ismail (kanan) menerima anugerah dari Encik Seah Kian Peng, Ahli Parlimen GRC Marine Parade.

Virgin Gold Mining Corporation (VGMC), Geneva Pte Ltd dan Program Roll Over.

Seramai 7,000 hingga 8,000 orang, sebahagian besar mereka adalah Melayu, melabur dalam VGMC, skim pelaburan saham emas.

Syarikat itu mencetuskan tengkar apabila ia gagal memberikan pelabur dividen disebabkan 'keputusan syarikat membuat Tarawan Awal IPO'.

Sekitar 50 pelabur Melayu/Islam setiap setiap dihadapkan terjebak dalam skim pelaburan palsu yang dijalankan secara senyap-senyap dan melibatkan pelaburan bernilai hampir \$1 juta.

Dinamakan Program Roll Over, pelaburan itu dikenali orang tengah, yang juga merupakan seorang perniaga yang dikenali sebagai Dr Yusman menerusi syarikat rawatannya di Golden Landmark.

Firma dagangan emas Geneva pula disiasat Jabatan Ehwal Komersial kerana gagal memberikan wang dan emas yang dijanjikan pelaburannya.

Sejak diperkenalkan di sini pada 2008, Geneva telah menarik 10,000 pelabur di Singapura dan dianggarkan 25 hingga 30 peratus pelanggannya terdiri daripada orang Melayu.

### SKANDAL LAGI...

BEBERAPA pelaburan Melayu yang menghadapi masalah hutang, menghadapi beban kewangan yang semakin meruncing setelah mendapatkan khidmat firma yang dinamakan Reliance Credit Consultancy.

Firma itu awalnya bersetuju menawarkan khidmat berunding dengan bank bagi menghuraikan masalah hutang.

tang-hutang mereka. Namun, walaupun membayar wang kepada Reliance, bank-bank masih menuntut agar mereka melunaskan hutang.

Satu lagi kes hangat ialah penjualan beg berjenama melalui rangkaian sosial Facebook, Chique Gelerie.

Chique Gelerie, yang menjual beg berjenama, diperdaya tidak memulangkan sehingga \$120,000 kepada lebih 400 pelanggan selepas gagal mengirim tempahan mereka.

### DEWAN BERI BIASAWA

Buat julung-julung kalinya, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS) memberikan biasiswa bernilai \$15,000.

Ia diberikan kepada pelajar yang menunjukkan prestasi akademik cemerlang. Penerima Biasiswa itu digalakkan melakukan tempoh pembelajaran sambil bekerja dan menyulurkan tenaga menjalankan khidmat ke masyarakat bersama DPPMS.

Tiga penerima yang dipilih tahun ini ialah Cik Razidah Yeap Jamal, penuntut tahun pertama jurusan pengurusan perniagaan di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) dan Encik Mohd Danial Yusuf, juga penuntut tahun pertama jurusan pengurusan perniagaan.

Kedua-duanya menerima Biasiswa DPPMS-Mendaki.

Encik Ahmad Zaki Zulkifli pula adalah penerima Biasiswa DPPMS dan mahasiswa tahun akhir bidang perakaunan di Universiti Teknologi Nanyang. Ketiga-tiga penerima biasiswa itu menerima biasiswa bernilai \$5,000 setiap satu.

### KONSORTIUM UBAH ELOK MELAYU ISLAM DICERGASKAN SEMULA

Sebuah konsortium yang terdiri daripada beberapa syarikat kontraktor ubah elok, Kontraktor Ubah Elok Melayu Islam (MMRC), dicergaskan semula tahun ini untuk membantu memajukan industri itu.

Konsortium itu dibentuk pada 2005 di bawah naungan Kesatuan Usahawan Melayu (Kesuma) dan para anggotanya asalnya adalah firma milik Cik Ratna Ahmad, An-Plus Design & Contracts; Ari General Contractor, Budget Design and Contracts Pte Ltd, Shahab Contractor Trading Pte Ltd dan Sol Renovation Contractor Pte Ltd.

Tetapi, disebabkan beberapa syarikat anggota sudah tidak beroperasi, maka MMRC sudah kurang aktif sejak kira-kira tiga tahun lalu.

"Oleh kerana kemasukan lebih banyak pemain Melayu/Islam dalam industri kontraktor ubah elok, jadi kami rasa perlu ada sokongan dan kerjasama di antara syarikat-syarikat masyarakat kita agar dapat bersaing dengan lebih baik," kata Cik Ratna.

### EDC DAPAT PENGARAH BARU

PUSAT Pembangunan Usahawan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (EDC@SMCCI) mendapat Pengarah Pusat baru, Cik Harasha Bafana, bagi membawa badan itu ke tahap lebih tinggi untuk melakar program bagi syarikat-syarikat kecil dan sederhana (SME) terutama syarikat baru dan syarikat-syarikat Melayu/Islam.

Selain itu, lulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) (Pemasaran) Sekolah Perniagaan Nanyang itu adalah pemilik syarikat perunding cara komunikasi – Speak! – yang melatih para peniaga dalam bidang komunikasi.

Pada pertengahan 2005, beliau bertugas sebagai Pengurus Besar bagi restoran Timur Tengah, Samar, di Kampong Glam, selama dua setengah tahun.

### ROHIM JADI NAIB PENGURUSI SBF

PRESIDEN Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS), Encik Abdul Rohim Sarip, dilantik sebagai salah seorang daripada tujuh Naib Pengurus Persekutuan Perniagaan Singapura (SBF) bagi penggal 2012 hingga 2014.

Sebelum ini, beliau merupakan anggota majlis SBF sejak enam bulan lalu.

Ini merupakan kali pertama Encik Rohim, seorang peguam, dipilih bagi jawatan terbarunya dalam Mesyuarat Agung Tahunan SBF.

Jawatan tersebut juga pernah disandang oleh mantan Presiden Dewan, Dato' Mohd Zain Abdullah.

### MAMANDA MULA OPERASI

RESTORAN Mamanda, yang terletak di bangunan berasaskan Gedung Kuning, membuka operasinya pada Ramadhan lalu.

Setelah diubah elok selama empat bulan dengan kos sebanyak \$1 juta, Mamanda, yang terletak di bangunan berasaskan Gedung Kuning, dioperasikan oleh Kumpulan The Expansion Group.

Bangunan itu sebelum ini dikendalikan oleh Restoran Tempat Sireh.